



KENYATAAN MEDIA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)

KERAJAAN PERLUAS LITERASI AKTA ANTIBULI BAGI
MEMPERKUKUH USAHA MEMBANTERAS BULI

KUALA LUMPUR, 23 SEPTEMBER 2026 – Selaras dengan komitmen Kerajaan MADANI untuk menangani gejala buli secara serius dan menyeluruh, saya telah melancarkan Program Literasi Akta Antibuli 2026 [Akta 876] dan Peranan Tribunal bagi Antibuli (TAB) di Maktab Tentera Diraja (MTD), Sungai Besi hari ini.

Program ini merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat, khususnya generasi muda, mengenai perlindungan yang tersedia di bawah Akta 876 serta fungsi dan peranan TAB, termasuk tatacara membuat aduan, proses pendengaran dan bentuk remedi kepada mangsa. Akta 876 dan TAB juga menyediakan mekanisme khusus bagi menangani kes buli melalui pendekatan restoratif yang lebih cepat, kos efektif serta memberi penekanan kepada perlindungan dan pemulihan mangsa.

Sehingga 22 September 2026, TAB telah menerima 55 aduan, dengan lima kes telah diputuskan melalui award. Antara award yang diberikan termasuk permohonan maaf kepada mangsa, penyertaan dalam program kaunseling serta pembayaran ganti rugi sebanyak RM2,000 dalam satu kes. Ini mencerminkan pendekatan TAB yang bukan semata-mata berorientasikan hukuman, tetapi turut menekankan pemulihan mangsa dan pembetulan tingkah laku pelaku.

Namun, selain kerangka perundangan, keberkesanan langkah ini bergantung kepada keberanian masyarakat untuk bersuara dan bertindak. Mangsa perlu tampil mendapatkan bantuan, manakala

mereka yang menyaksikan kejadian buli pula hendaklah berani bersuara kerana buli bukanlah satu gurauan dan ia tidak boleh dinormalisasikan dalam apa jua keadaan.

Kerajaan MADANI akan terus memperkukuh usaha pencegahan dan pendidikan serta menjamin mangsa akses kepada perlindungan dan keadilan menerusi sesi literasi sebegini bagi meningkatkan kefahaman mengenai hak mangsa, saluran perlindungan dan tanggungjawab bersama dalam membanteras buli seraya merealisasikan #GenerasiTanpaBuli.

AZALINA OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)
23 SEPTEMBER 2026

